

10 NOV 1999

HARUN DIN MUNGKIN TENTANG SHAHIDAN DAN PM

PULAU PINANG, 10 Nov (Bernama) -- Anggota Jawatankuasa PAS Pusat Datuk Harun Din hari ini berkata, beliau mungkin bertanding menentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihan raya kali ini.

Beliau juga sedia menentang Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim di kawasan Dewan Undangan Negeri Tambun Tulang.

Harun Din berkata demikian kepada sekumpulan wartawan yang secara kebetulan berada di Island Hospital, di sini. Harun Din dipercayai berada di hospital itu untuk mendapatkan rawatan.

Perdana Menteri hari ini mengumumkan pembubaran Parlimen esok untuk membuka laluan bagi pilihan raya umum yang mesti diadakan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pembubaran Parlimen.

-- BERNAMA

AHM PR